

SOALAN NO. : 31

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah cukai petak akan dilaksanakan berikutan Akta Hakmilik Strata pindaan tahun 2016 telah diwartakan bagi pelaksanaan mulai 1 Januari 2017 dan apakah usaha yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan urusan/ pindahmilik yang berkaitan tidak dapat dijalankan jikalau seseorang pemilik mempunyai tunggakan caj servis yang belum dijelaskan walaupun cukai petaknya telah dibayar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kuatkuasa Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 [Akta A1518] pada 1 Januari 2017, cukai petak dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesediaan Pihak Berkuasa Negeri. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia yang bersidang pada 19 Disember 2016 telah dimaklumkan bahawa Negeri-negeri yang bersedia untuk melaksanakan cukai petak pada 1 Januari 2018 adalah seperti berikut:

- (1) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (2) Pulau Pinang;
- (3) Melaka; dan
- (4) Selangor.

Buat masa ini, Kerajaan tidak menghalang urusan/ pindahmilik sekiranya seseorang pemilik mempunyai tunggakan caj servis yang belum dijelaskan walaupun cukai petaknya telah dibayar.

Sekian, terima kasih.